



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN (BAHAGIAN PERUMAHAN)

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA yang beralamat negeri Kelantan serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dan Sijil Taraf Bumiputera (STB), berdaftar dengan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan masih dibenarkan membuat tawaran:-

Bil	Tajuk dan No. Sebut Harga	Taraf / Syarat Pendaftaran	Tarikh, Tempat Taklimat Sebut Harga dan Lawatan Tapak	Tarikh, Tempat Dokumen Sebut Harga Boleh didapati	Tarikh dan Tempat Tutup Sebut Harga	Harga Dokumen Sebut Harga
1.	KERJA-KERJA PENGGANTIAN SISTEM PAM PENGALAK BILIK PAM 1 DAN 2 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI FLAT BULUH KUBU, KOTA BHARU SH/SUK/PR/04/2026	-Taraf Bumiputera: T1 -CIDB G2 -Kategori – M, Mekanikal -Pengkhususan: M22	Tarikh: 7 Mei 2026 (Khamis) Masa Pendaftaran 9:30 pagi – 10:30 Pagi Masa Taklimat : 10:30 Pagi Tempat Taklimat, Lawatan Tapak: PERKARANGAN SURAU FLAT BULUH KUBU KEHADIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN	Tarikh: 7 Mei 2026 (Khamis) Hingga 13 Mei 2026 (Rabu) Tempat: KAUNTER HASIL, BAHAGIAN PERUMAHAN BLOK 2, ARAS BAWAH KOMPLEKS KOTA DARULNAIM	Tarikh: 14 Mei 2026 (Khamis) Sebelum Jam: 12:00 Tengah hari Tempat: PETI SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN BLOK 2, ARAS BAWAH KOMPLEKS KOTA DARULNAIM	RM 50.00 (G2)

2. Penyebut harga **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat / lawatan tapak. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama **Kad Pengenalan, Sijil Asal PKK, SPKK, STB, SSM dan TCC. Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan.**
3. Hanya penama di dalam Sijil CIDB **G2** sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat sebut harga.
4. Syarikat tidak boleh mewakili pegawai lain selain daripada penama di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB).
5. Penyebut harga yang **HADIR** ke Taklimat dan Lawatan tapak sahaja layak untuk membeli dokumen sebut harga. Bayaran pendaftaran iaitu adalah sebanyak **RM 30.00** dikenakan pada penyebut harga yang belum berdaftar.
6. Pembelian borang Sebut Harga adalah secara **TUNAI** di Kaunter Hasil Bahagian Perumahan.
7. Kontraktor **WAJIB** mengemukakan **Borang Pengisytiharan Pemunya Beneficial (BO)** dan menandatangani **Surat Akuan Syarikat dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa (SA)** dan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)** berstatus **PATUH** semasa mengemukakan dokumen sebut harga.
8. Dokumen Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dengan mencatat nombor Sebut Harga di sampul surat dan dihantar dan dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** sebagaimana alamat di atas

Bertarikh pada: 12 ZULKAEDAH 1447H BERSAMAAN 30th APRIL 2026